

PULAU PINANG, Khamis — Naib Presiden UMNO, Datuk Haji Harun Haji Idris berkata, perjuangan parti untuk kepentingan bangsa dan negara akan diteruskan daripada satu generasi ke satu generasi.

"Adakalanya, kita terlupa generasi muda hari ini akan mengambil alih perjuangan, sementara ketua-ketua parti hari ini di satu hari nanti akan menjadi negarawan," katanya.

Datuk Harun berkata demikian semalam di satu majlis jamuan makan malam anjuran UMNO cawangan Kota sempena pengampunan penuh yang diterima beliau dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Per-tuan Agong.

Sempena menyambut Jubli Perak Hari Kebangsaan, Datuk Harun mengingatkan ahli-ahli parti, kebebasan dari belenggu penjajahan British juga membawa berbagai tanggungjawab selain dari masalah yang harus diselesaikan.

Datuk Harun berkata, beliau masih teringat suara nyaring bapa kemerdekaan, Tunku Ab-

Perjuangan parti berjalan terus

Bahan asal di Arkib

Negeri Malaysia — Harun

dul Rahman yang berucap kepada ribuan rakyat di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957: "Merdeka ini membawa bersama tanggungjawab..."

Naib Presiden UMNO itu juga berkata, apa yang jelas ialah ketua parti akan terus mengingatkan masyarakat dan orang-orang Melayu: "Masa depan akan membawa lebih banyak cabaran."

"Apa yang pasti, cabaran ini tidak akan berakhir — bukan sahaja kepada Negeri Pulau Pinang atau Terengganu tetapi seluruh negara, orang-orang politik harus sedar ini," tambahnya.